# SOALAN LAZIM
## PERMOHONAN BAWA BAKI CUTI REHAT KE TAHUN 2026 & GANTIAN CUTI REHAT (GCR) TAHUN 2025

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Bilakah warga UKM boleh mula membuat permohonan bawa baki cuti rehat ke tahun 2026 & Gantian Cuti Rehat (GCR) Tahun 2025?<br><br>Siapakah yang layak membuat permohonan?</td><td>Permohonan bawa baki cuti rehat ke tahun 2026 & Gantian Cuti Rehat (GCR) Tahun 2025 dibuka kepada warga UKM mulai 1 Disember 2025 sehingga 31 Disember 2025.<br><br>Pegawai yang layak:<br><br>1. Lantikan Tetap (termasuk tempoh percubaan)<br>2. Lantikan Sementara<br>3. Memilih Skim Pencen / KWSP</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Berapakah kadar kelayakan cuti rehat bagi pegawai lantikan tetap, percubaan dan sementara untuk membawa baki cuti rehat & GCR?</td><td>Kadar Kelayakan Cuti Rehat adalah seperti berikut:<br><br>Bawa baki: Jumlah maksimum cuti rehat yang boleh dibawa ke tahun hadapan adalah sebanyak 2 tahun Kelayakan Cuti Tahunan.<br><br>GCR: Jumlah maksimum cuti rehat yang boleh dikumpul bagi GCR ialah 15 hari atau ½ daripada kadar cuti rehat yang layak pada tahun tersebut.<br><br>
<table>
<tr><th>JENIS CUTI</th><th colspan="4">CUTI REHAT</th></tr>
<tr><td>Kelayakan Cuti Rehat Tahunan</td><td>35 hari</td><td>30 hari</td><td>25 hari</td><td>20 hari</td></tr>
<tr><td>GCR Maksimum Untuk 1 Tahun</td><td>15 hari</td><td>15 hari</td><td>12 hari</td><td>10 hari</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| 3. | Pegawai yang dilantik sementara untuk tempoh (satu) 1 tahun mulai 4 Januari 2025 hingga 3 Januari 2026, adakah layak untuk membawa baki cuti rehat & GCR? | **Layak** untuk membawa baki cuti rehat dan GCR berdasarkan baki cuti rehat dan kelayakan. Walau bagaimanapun, cuti rehat yang berkelayakan hendaklah **dihabiskan** sebelum berakhir tempoh lantikan semasa.<br><br>Sekiranya cuti rehat yang masih berbaki tidak dihabiskan dalam tempoh pelantikan, baki cuti rehat adalah dianggap sebagai lupus.<br><br>Tindakan **lucuthak emolumen** boleh diambil, sekiranya pegawai menggunakan **cuti rehat bagi hari yang melebihi kelayakan**. |
| 4. | Adakah pegawai yang dilantik sementara mulai 1 Mei 2025 hingga 30 April 2026 layak untuk membawa baki cuti rehat & GCR? | **Layak** untuk membawa baki cuti rehat dan GCR kerana **tempoh lantikan masih berbaki pada tahun berikutnya.** |
| 5. | Adakah pegawai yang dilantik secara kontrak (*Contract of Service*) mulai 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025 layak untuk membawa baki cuti rehat & GCR? | Pegawai **hanya layak** untuk memohon GCR berdasarkan kelayakan iaitu 15 hari atau ½ daripada kadar cuti rehat yang berkelayakan pada tahun berkenaan.<br><br>Borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman sesawang Jabatan Pendaftar: https://www.ukm.my/pendaftar/wp-content/uploads/2023/03/Borang-Gantian-Cuti-Rehat-Pegawai-Lantikan-Kontrak.pdf |
| 6. | Adakah pegawai yang dilantik secara kontrak (*Contract of Service*) untuk tempoh 2 tahun mulai 1 Oktober 2024 hingga 30 September 2026 layak untuk membawa baki cuti rehat & GCR? | Pegawai **layak** untuk membawa **baki cuti rehat** sahaja berdasarkan kelayakan dalam **tempoh pelantikan semasa**.<br><br>Pegawai hanya **layak** untuk **memohon GCR pada tahun terakhir** berdasarkan kelayakan iaitu 15 hari atau ½ daripada kadar cuti rehat yang berkelayakan pada tahun berkenaan.<br><br>Borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman web Jabatan Pendaftar: https://www.ukm.my/pendaftar/wp-content/uploads/2023/03/Borang-Gantian-Cuti-Rehat-Pegawai-Lantikan-Kontrak.pdf |

| | | |
|---|---|---|
| 7. | Adakah pegawai yang dilantik secara kontrak menggunakan dana penyelidikan [UKM (PER) bermula dengan (KQ)] layak untuk membawa baki cuti rehat & GCR? | Pegawai **layak** untuk membawa baki cuti rehat sahaja berdasarkan kelayakan dalam tempoh pelantikan semasa.<br><br>Pegawai **tidak layak** untuk memohon GCR. |
| 8. | Apakah tindakan yang perlu diambil apabila permohonan bawa baki cuti rehat ke tahun 2026 & GCR tahun 2025 dibuka? | Semua pegawai yang berkelayakan perlu log masuk ke dalam sistem e-Cuti ([https://smk.ukm.my/ecuti/index.cfm](https://smk.ukm.my/ecuti/index.cfm))<br><br>● Masukkan UKM (PER) dan kata laluan.<br>● Klik pada menu GCR & Bawa Baki (seperti rajah di bawah).<br>● Sila Pilih GCR/Bawa Baki.<br>● Input bilangan GCR/Bawa Baki.<br>● Kemas.<br>● Hantar.<br>● Cetak Surat Pengesahan (jika perlu).<br><br> |

**SEMAKAN PERMOHONAN BAWA BAKI CUTI KE TAHUN HADAPAN DAN GCR GANTIAN WANG TUNAI TAHUN 2024.**

| | |
|---|---|
| **JAWATAN** | PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) N1 |
| **TARAF JAWATAN** | TETAP |
| **SKIM** | KWSP |
| **KELAYAKAN TAHUNAN** | 20 Hari |
| **BAKI CUTI 2024** | 0 Hari |
| **PERMOHONAN CUTI BELUM LULUS** | - Tiada - |
| **GCR SEHINGGA TAHUN 2024** | 2 hari |
| **PERMOHONAN TAHUN 2024** | DiLulus oleh:<br>**03/12/2024**<br>[redacted]<br>Pengesahan oleh:<br>**03/12/2024**<br>[redacted] |

| SILA PILIH | INPUT BIL HARI | KENYATAAN PEKELILING |
|---|---|---|
| **GCR** | **0 HARI** | **INPUT MAKSIMUM BILANGAN HARI GCR(GANTIAN WANG TUNAI) : 1/2 KELAYAKAN CUTI TAHUNAN DAN MAKSIMUM 15 HARI SAHAJA**<br>• **HAD MAKSIMUM GCR(GANTIAN WNG TUNAI) 180 HARI**<br>• **GCR MELEBIHI 180 HARI : DIGUNAKAN SEBAGAI CUTI REHAT PADA TAHUN PERSARAAN (12 BULAN SEBELUM TARIKH BERSARA)** |
| **BAWA BAKI** | **6 HARI** | **[MAKSIMUM 2 TAHUN KELAYAKAN CUTI TAHUNAN** |

| | | |
|---|---|---|
| 9. | Apakah implikasi sekiranya pegawai tidak membuat permohonan bawa baki cuti rehat ke tahun 2026 & GCR tahun 2025. | Kegagalan pegawai melaksanakan tanggungjawab ini boleh mengakibatkan **hilang kelayakan** bawa baki cuti rehat ke tahun 2026 dan GCR bagi tahun 2025. |
| 10. | Adakah baki akhir cuti rehat tahun 2025 dibawa secara automatik ke tahun hadapan? | Baki akhir cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan pada setiap tahun kalendar adalah **tidak automatik** dibawa ke tahun hadapan.<br><br>Permohonan bawa baki cuti rehat ke tahun hadapan perlu mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatan dan dibuat melalui sistem e-Cuti.<br><br>Jika pegawai tidak mengambil tindakan membawa baki cuti rehat ke tahun 2026 dalam tempoh yang ditetapkan, baki cuti rehat yang ada **dianggap lupus**. |
| 11. | Sekiranya pegawai tersalah mengisi maklumat permohonan bawa baki cuti rehat ke tahun 2026 & GCR tahun 2025, adakah maklumat tersebut boleh dipinda? | Permohonan adalah **muktamad dan tidak boleh dipinda**. Oleh itu, pegawai dinasihatkan untuk meneliti baki cuti rehat dan GCR sebelum menghantar permohonan. |
| 12. | Sekiranya pegawai telah memohon cuti rehat pada 26 Disember 2025, namun pegawai telah jatuh sakit dan diberikan cuti sakit pada tarikh cuti rehat yang telah diluluskan. Adakah cuti rehat tersebut boleh dibatalkan dan digantikan dengan cuti sakit? | **Boleh** dengan syarat pegawai menyerahkan sijil cuti sakit kepada Kerani Cuti PTj **sebelum tarikh penjanaan** baki cuti semasa (jumlah bawa baki dari tahun 2025 & kelayakan cuti tahunan) iaitu selewat-lewatnya pada **2 Januari 2026**. |